

NEWS CLIPPING

EVENT:	BOXiT
PUBLICATION:	KOSMO
PAGE/ SECTION:	NIAGA
DATE:	THURSDAY, 3 SEPTEMBER 2015
TIME:	-

7-Eleven sedia khidmat loker BOXiT

KUALA LUMPUR – Pengendali kedai serbaneka terkemuka, 7-Eleven Malaysia Sdn. Bhd. (7-Eleven Malaysia) bakal memasang sehingga 500 loker bungkusannya di rangkaian 7-Eleven seluruh negara dalam tempoh dua tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown berkata, penyediaan perkhidmatan itu direalisasikan menerusi pemeteraian perjanjian kerjasama selama tiga tahun dengan syarikat pengendali loker pembungkusan, BOXiT Holdings Sdn. Bhd. (BOXiT).

“Inisiatif seumpama ini memberi kelebihan kepada kami untuk menawarkan pengalaman beli-belah berhenti kepada pelanggan 7-Eleven,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Brown berkata, perkhidmatan loker tersebut sesuai

digunakan oleh pelanggan yang sering tiada di rumah dan memerlukan khidmat menerima bungkusannya daripada mana-mana pihak atau syarikat perdagangan elektronik.

“Pelanggan hanya perlu memilih lokasi kedai 7-Eleven berdekatan sebagai lokasi penerimaan bungkusannya,” jelasnya.

Dikawal secara elektronik, loker tersebut boleh dibuka oleh pelanggan dengan menggunakan kod nombor yang dihantar ke telefon bimbit mereka menerusi khidmat pesanan ringkas.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif BOXiT, Gregor Trawogger berkata, pihaknya berhasrat untuk meluaskan lagi rangkaian perkhidmatan tersebut ke seluruh negara khususnya di kawasan bandar.

“Kami yakin bahawa mesin



BROWN (kiri) dan **Trawogger** (kanan) menunjukkan dokumen perjanjian kerjasama bagi menyediakan perkhidmatan mesin loker bungkusannya di rangkaian 7-Eleven di Kuala Lumpur baru-baru ini.

ini dapat memberikan pengalaman optimum serta diterima baik oleh orang ramai

dan syarikat-syarikat yang melihat potensi dan manfaatnya,” ujar beliau.